

Jika mahu melihat Asean unggul

Rasa penting diri perlu dikikis — Ghazali

KUALA LUMPUR, Isnin — Perasaan mementingkan diri sendiri perlu dikikis jika mahu melihat kepemimpinan Asean unggul di masa akan datang.

Untuk mencapai matlamat itu, persatuan dan pertubuhan belia Asean perlu menggalakan kerjasama dan perhubungan mesra di kalangan rakyat Asean, kata Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie.

"Semangat Asean yang masih diselubungi norma-norma mementingkan diri sendiri dalam sistem ekonomi dan politik perlu dihapuskan jika mahu melihat ia menjadi kenyataan," katanya ketika merasmikan mesyuarat Jawatankuasa Kerja Bella Asean di sini pagi ini.

Katanya, semangat mementingkan diri sendiri perlu dikikis dan sebagai gantinya satu nilai baru yang menumpukan kepada etika, moral, falsafah dan berperilaku kemanusiaan perlu dipupuk bagi dijadikan asas kepada generasi Asean di masa akan datang.

"Setiap rakyat Asean mesti memikirkan kepentingan antara mereka, begitu juga setiap

negara Asean hendaklah menimbangankan dasarnya sejajar dengan dasar negara lain.

"Ini mungkin terlalu unggul didengar, tetapi jika masa depan Asean mahu dipastikan mempunyai kepemimpinan yang baik maka Asean perlu menuju ke arah itu," ujarnya.

Mengenai matlamat menggalakkan kerjasama dan perhubungan mesra di kalangan pertubuhan belia, Tan Sri Ghazali berpendapat ia merupakan seutas benang tetapi akan menjadi benang yang kukuh dan mengikat persatuan itu di peringkat nasional dan Asean.

Katanya, pertubuhan itu akan menjadi agen pertumbuhan, perubahan dan perpaduan kepada Asean.

"Sebagai agen pertubuhan belia tidak semestinya mempunyai fikiran yang sempit tetapi sebaliknya boleh mengikut perkembangan zaman."

"Untuk itu, anda perlu meningkatkan pengetahuan anda supaya sejajar dengan keadaan," ujarnya.

Mengenai Asean, Tan Sri Ghazali menegaskan, generasinya telah menubuhkan Asean, tetapi terserah kepada generasi muda sekarang untuk mengendalikan pertubuhan ini di masa akan datang.